

## PROGRAM CB-PRIHATIN MENERUSI PRODUK BERASASKAN FI CBP

1. Co-opbank Pertama (CBP) terus menghulurkan bantuan kepada mangsa letupan gas di Putra Heights yang berlaku pada 01 April 2025.
2. Melalui Program CB-Prihatin, CBP telah menghulurkan sumbangan sebanyak RM 5,000 kepada Masjid Putra Heights baru-baru ini.
3. Selain itu, CBP turut mengambil inisiatif lain bagi membantu mangsa letupan gas ini melalui sumbangan yang akan dihulurkan menerusi langganan produk berdasarkan fi.
4. Antara produk yang terlibat adalah Takaful CBP Protect, Takaful CBP Smart Care, Takaful CBP Kenderaan, Takaful CBP Idaman, Takaful CBP Idaman Plus, Penulisan Wasiat dan CBP Amanah Pusaka.
5. Ketua Pegawai Komersial CBP, Mohd Faris Kamarudin berkata, CBP akan menyalurkan bantuan ini kepada Tabung Selangor Prihatin bagi membantu mangsa letupan gas ini sepanjang tempoh program iaitu bermula 01 Mei sehingga 30 Jun 2025.
6. "Program ini adalah seiring dengan prinsip koperasi iaitu prihatin terhadap komuniti dan setiap langganan produk berdasarkan fi akan disalurkan khususnya untuk meringankan beban mereka yang terkesan", katanya dalam kenyataan hari ini.
7. Rakan strategik CBP iaitu Zurich Takaful Malaysia Berhad, Takaful Ikhlas Family Berhad, Rakyat Trustee Berhad dan My Angkasa Amanah Berhad turut menyokong program ini melalui sumbangan mereka berdasarkan jumlah bilangan langganan produk berdasarkan fi.
8. Melalui inisiatif ini, CBP akan terus memainkan peranan dalam menyokong masyarakat sekeliling disamping menyemai keprihatinan kepada pelanggan CBP melalui langganan produk berdasarkan fi.
9. Untuk maklumat lanjut mengenai produk, pelanggan boleh kunjungi cawangan CBP diseluruh negara atau boleh hubungi talian khidmat pelanggan.

-TERIMA KASIH-

## Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)